



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

KESEJAHTERAAN KANAK-KANAK 12 HINGGA 17 TAHUN MELALUI PELAKSANAAN VAKSINASI

YB Menteri Kesihatan telah mengumumkan suntikan vaksin kepada kanak-kanak berumur 12 hingga 17 tahun bermula hari ini di Negeri Sarawak. Sebagai Menteri yang bertanggungjawab ke atas kebajikan, pembangunan dan kesejahteraan kanak-kanak, saya menyambut baik perkhabaran gembira ini dalam usaha mengukuhkan keselamatan dan kesihatan kanak-kanak di negara ini ketika mendepani pandemik COVID-19.

Seperti yang diumumkan oleh YB Menteri Kesihatan, seramai 76,400 orang kanak-kanak yang berusia 12 hingga 17 tahun di Sarawak telah mula menerima vaksin COVID-19 pada hari ini, seterusnya menjadikan mereka sebagai kumpulan kanak-kanak pertama di Malaysia yang divaksinasi. Ini merupakan satu indikator dalam membuktikan kesungguhan dan komitmen Kerajaan yang tidak pernah meminggirkan kepentingan terbaik bagi kanak-kanak.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedia bekerjasama dengan semua pihak berkaitan dalam memastikan inisiatif ini dilaksanakan dengan cepat dan berkesan, seterusnya membantu pencapaian imuniti kelompok Keluarga Malaysia dengan lebih meluas.

Saya menyeru semua ibu bapa dan penjaga agar terus meyakinkan kanak-kanak bahawa vaksinasi adalah satu bentuk perlindungan kesihatan yang selamat, agar kita tidak mudah dijangkiti daripada wabak COVID-19. Teruskan memberi advokasi dan kefahaman tentang COVID-19 kepada kanak-kanak.

Saya berharap ibu bapa sentiasa cakna, berwaspada dan sentiasa mematuhi SOP dalam menangani COVID-19 dalam melindungi keluarga masing-masing. Ibu bapa dan penjaga mestilah mempunyai kesedaran dan mendapatkan maklumat yang sahih dan tepat mengenai COVID-19 daripada sumber yang mempunyai kredibiliti untuk membendung berita palsu mengenai COVID-19.

Sama-samalah kita menzahirkan kebersamaan dalam menjalankan tanggungjawab memerangi COVID-19 demi kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia.

###

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

9 September 2021